

Kebakaran tafiz di Kuala Lumpur akan disiasat

DF 15.9.2017 3

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Siasatan penuh akan dijalankan terhadap kejadian kebakaran yang berlaku di sebuah pusat agama, Tafiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur yang meragut nyawa lebih 20 pelajar Muslim dan dua guru pada awal Khamis.

Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata kementerian akan meneliti semua aspek termasuklah ciri keselamatan di pusat Tafiz tersebut akan mendapat tahu bagaimana insiden yang tidak diingini itu berlaku.

"Saya berasa sangat sedih selepas dimaklumkan tentang apa yang terjadi dalam tragedi kebakaran itu dan saya mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa kebakaran.

"Saya berdoa agar semua mangsa akan ditempatkan di syurga Allah SWT dan saya berharap pihak pengurusan pusat Tafiz dan keluarga mangsa akan kekal kuat dan bersabar dalam menghadapi dugaan sedemikian.

"Punca kebakaran masih sedang disiasat tetapi pihak kami (kementerian), akan meneliti ciri keselamatan di pusat itu dan juga yang lain agar kami dapat melihat apa yang dapat dilakukan dan diperbaikkan," katanya.

Jamil berkata demikian kepada pemimpin media selepas merasmikan sesi dialog dalam kalangan pengikut agama dengan lima wakil daripada Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan Anak Negeri Sabah di Dewan Canselor di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini pada Khamis.

Program tersebut bertemakan, Muhibah sebagai Teras Perpaduan Negara: Toleransi Agama dalam Masyarakat Plural sebagai Asas kepada Keharmonian dianjurkan bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bersama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), UMS dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Dialog ini adalah manifestasi usaha bersepdu kerajaan menerusi agensi-agensi dalam Jabatan Perdana Menteri untuk menggalakkan perpaduan dan persefahaman antara rakyat Malaysia.

Sekitar 2,500 peserta terdiri daripada pemimpin agama dan masyarakat, pe-



JAMIL (kelima dari kanan) bersama Arifin (kelima kiri), Aziz (keempat kiri), lima panel wakil Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan Anak Negeri Sabah bersama peserta dalam majlis itu.

gawai kerajaan, ahli akademik, wakil masyarakat dan penuntut UMS.

Jamil berkata dia sudah menghubungi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk membantu dari segi menguruskan keperluan jenazah untuk semua mangsa kebakaran yang maut dalam kebakaran itu dan untuk menyediakan dana bagi tujuan tersebut.

"Apa yang terjadi (dalam tragedi kebakaran) itu berada di luar kawalan pihak pengurusan.

"Bagaimanapun, kerajaan akan menyiasat perkara ini dari seluruh aspek agar pembetulan yang diperlukan dapat dilakukan," katanya.

Media kebangsaan melaporkan lebih 20 orang, kebanyakannya pelajar maut dalam kebakaran pada jam 5 pagi di pusat tafiz itu. Mayat rentung itu ditemui di tingkat teratas bangunan tiga tingkat tersebut.

Ketua Polis Bandaraya Kuala Lumpur Datuk Amar Singh berkata 36 pelajar dan enam guru tinggal di sekolah tersebut.

Dia berkata lima daripadanya masih berada di hospital, buat masa ini.

Mengenai dialog tersebut, Jamil berkata rakyat Malaysia harus melihat perbeaan agama dan kepelbagaiannya budaya di Malaysia sebagai kekuatan yang boleh menyatukan rakyat dan bukannya sebagai alat pemisah.

Beliau berkata ia adalah penting bagi semua orang untuk melihat kepelbagaiannya tersebut sebagai alat yang dapat meny-

atukan rakyat di negara ini.

"Senjata yang kuat dalam membangunkan negara bermula daripada konteks perpaduan. Malah, ia adalah satu kerugian besar jika kita tidak melihat perpaduan kuat yang kita bina sebagai aset besar untuk negara bergerak maju dalam menjadi negara yang dihormati di seluruh dunia.

"Malah, pertumbuhan ekonomi juga tidak akan terjadi jika rakyat terus melawan antara satu sama lain.

"Sebagai contohnya, saya pernah bertugas dan melalui pengalaman di Somalia, Timor Leste, Bosnia dan Lebanon. Membangunkan infrastruktur fizikal di negara-negara dalam konflik adalah sukar kerana kontraktor tidak akan memasuki negara tersebut," katanya.

Oleh itu, Jamil berkata rakyat seharusnya bersyukur dengan tahap perpaduan menerusi aspek agama yang harmoni di negara ini.

Bagaimanapun, beliau berkata mereka tidak seharusnya berpuas hati dengan tahap itu kerana masih ada pihak tidak bertanggunjawab yang akan menyentuh isu sensitif untuk mencapai agenda tersendiri.

Turut hadir, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Mohd Arifin Mohd Arif, Sabah Mufti Datuk Bungsu @ Aziz Jaafar, Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamardin D Mudin dan pegawai kanan lain.